

Headline	Linnean Medal		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Jul 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V1,7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	822 cm <sup>2</sup>
Journalist	Olihlkiimd Hui	AdValue	RM 32,258
Frequency	Daily	PR Value	RM 96,774



Headline	Linnean Medal		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Jul 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V1,7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	822 cm <sup>2</sup>
Journalist	Olihlkiimd Hui	AdValue	RM 32,258
Frequency	Daily	PR Value	RM 96,774

# Hasil kerja diiktiraf DALAM, LUAR NEGARA

Felo penyelidik FRIM terima anugerah 'Linnean Medal' berpangkalan di London

Oleh Mohamad Hus  
mohamad\_hussin@  
com.my

**Felo penyelidik Insitut Penyelidikan Permatang Malaysia**  
tu 'Linnean Medal' bersatuhan Linnean yang berpangkalan di London, sekali gus menjadikannya penyelidik pertama FRIM mendapat penghormatan itu.

Prof Dr Engkik Soepadmo, 78, yang lebih dikenali sebagai Bapak mula berkhidmat di FRIM pada tahun 1993 dan diberi anugerah itu sebagai pengiktirafan sumbangan cemerlang sepanjang hayat dalam bidang botani terutama taxonomi dan sistematik.

Beliau yang juga mentor generasi ahli botani baru di Malaysia dan rantau Asia pernah menerima Anugerah Merdeka 2012 dan

Anugerah Saintis Terbaik FRIM 2015, kerana menemui 56 spesies tumbuhan dan pokok hutan tropika.

Melalui pengalaman penyelidikan, perancangan dan pengurusan, Soepadmo menyumbang ke arah penetapan kawasan hutan perlindungan yang penting termasuk Taman Negara Endau-Rompin dan The Royal Belum.

Anugerah terabit disampaikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British Ke Malaysia, Vicki Treadell dengan disaksikan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod dan keluarga Soepadmo.

Soepadmo bersyukur dan berterima kasih kerana hasil kerjanya mendapat pengiktirafan dalam dan luar negara.

"Saya berterima kasih kepada Prof Diraja Ungku Aziz yang memberi pe-

luang berkecimpung dalam bidang penyelidikan botani tropika, ketika menjadi pensyarah di Universiti Malaya pada tahun 1968.

"Peluang diberi FRIM memberi kelebihan untuk menjadikan minat saya kepada botani sebagai satu penyelidikan, sekali gus memberi manfaat kepada semua pihak," katanya.

Sementara itu, Abd Latif berkata, Soepadmo juga penerima Anugerah Merdeka 2012 dan Anugerah Saintis Terbaik FRIM 2015, membuatkan beliau sememangnya wajar dihargai

kerana menemui 56 spesies tumbuhan dan pokok hutan tropika.

Treadell berkata, pihaknya mewakili Ratu Elizabeth II dan Kerajaan Britain berbangga dengan penganugerahan yang mengiktiraf saintis Malaysia hingga mengukuhkan kerjasama antara United Kingdom dan Malaysia sejak sekian lama.

"Saya memuji Soepadmo atas sumbangannya terhadap bidang sains dan beliau kebanggaan komuniti saintifik di Malaysia dan menjadi inspirasi kepada semua khususnya dalam komuniti penyelidik antarabangsa.

"Kita ingin melihat hubungan saintifik antara Britain dan Malaysia dengan menjadikan contoh hubungan antara FRIM dan Royal Garden Kew yang bermula sejak tahun 1929.

"Kami melalui pembentukan Tabung Newton-Ungku Omar bersedia memberi sokongan kepada pembangunan saintifik Malaysia untuk perkembangan jangka panjang ekonomi serta kebijakan secara mampan," katanya.

Headline	Linnean Medal		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Jul 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V1,7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	822 cm <sup>2</sup>
Journalist	Olihlkiimd Hui	AdValue	RM 32,258
Frequency	Daily	PR Value	RM 96,774

